

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

DOS PENGGALAK KEDUA INDIVIDU 60 TAHUN DAN KE ATAS

BAKAL TERIMA PAUTAN TEMPAHAN

Kuala Lumpur

Individu berumur 60 tahun dan ke atas yang memenuhi kriteria bagi dos penggalak kedua akan menerima pautan tempahan secara berperingkat bermula kelmarin dalam aplikasi MySejahtera.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, individu yang sudah menerima pautan itu boleh membuat tempahan janji temu di pusat pemberian vaksin (PPV) yang disenaraikan.

Beliau berkata, kriteria kelayakan bagi penerima dos penggalak kedua adalah individu berumur 60 tahun dan ke atas serta sudah menerima dos penggalak pertama sekurang-kurangnya empat hingga enam bulan lalu.

"Bagi individu yang sudah lengkap mengambil dos penggalak pertama dan didapati mengalami jangkitan Covid-19, mereka layak menerima dos penggalak kedua selepas selang tiga bulan pulih sepenuhnya," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, pemberian

dos penggalak kedua vaksin Pfizer (*Comirnaty*) adalah bagi individu berumur 60 tahun dan ke atas yang berisiko tinggi termasuk bagi yang menghidap penyakit respiratori kronik; penyakit jantung dan vaskular kronik; penyakit hati kronik dan penyakit neurologi kronik.

Beliau berkata, individu berumur 60 tahun dan ke atas yang sihat pula perlu berbincang dengan pengamal perubatan untuk pertimbangan jika ingin mengambil dos penggalak kedua.

Sementara itu, Khairy berkata, individu yang dalam rawatan di hospital kerajaan atau swasta yang beroperasi sebagai PPV, boleh diberikan dos penggalak kedua secara oportunistik manakala di hospital bukan PPV, Penilaian Pra Vaksinasi (PVA) perlu dilaksanakan oleh pakar dan merujuk ke hospital berhampiran yang beroperasi sebagai PPV.

Beliau berkata, warga emas juga boleh hadir secara terus di mana-mana

PPV yang masih beroperasi, manakala pusat jagaan warga emas boleh membuat permohonan bagi mendapat dos penggalak kedua di Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran.

Sementara itu, beliau berkata, remaja berumur 12 hingga 17 tahun yang berada dalam kategori terminumokompromi sederhana atau teruk (*moderate or severe immunocompromised*) yang disahkan oleh pakar perubatan kerajaan dan swasta, layak menerima dos tambahan.

Katanya, golongan itu boleh menerima dos tambahan sekurang-kurangnya 28 hari selepas menerima dos terakhir siri primer manakala bagi individu yang lengkap mengambil dos primer dan didapati positif Covid-19, layak menerima dos tambahan selepas selang tiga bulan pulih sepenuhnya.

Khairy berkata, remaja yang sedang dalam rawatan di hospital kerajaan, hospital swasta, klinik pakar kanak-kanak swasta, klinik kesihatan dengan pakar yang menjadi PPV, boleh diberi-

kan dos tambahan secara oportunistik di fasiliti kesihatan berkenaan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, bagi remaja yang layak tetapi tidak ditawarkan dos tambahan, mereka boleh dibawa berjumpa pakar perubatan yang merawat untuk menjalani PVA dan seterusnya dirujuk ke hospital kerajaan atau swasta, klinik pakar kanak-kanak swasta atau klinik kesihatan dengan pakar yang beroperasi sebagai PPV.

Sementara itu, Khairy berkata, individu berumur 18 tahun dan ke atas yang ingin ke luar negara boleh diberikan dos penggalak kedua selepas selang sekurang-kurangnya satu bulan daripada dos penggalak pertama, bagi memenuhi syarat keperluan memasuki negara destinasi yang ingin dilawati.

"Mereka boleh hadir secara terus tanpa janji temu di PPV yang masih beroperasi dengan membawa dokumen sokongan berkaitan (seperti bukti tiket penerbangan atau dokumen perjalanan)," katanya.


Putrajaya rekod nilai Rt tertinggi

Kuala Lumpur: Sebanyak 6,342 kes baharu Covid-19 dicatatkan kelmarin dengan 99.34 peratus daripadanya adalah kategori satu dan dua, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Menurutnya, daripada jumlah itu, sebanyak 42 kes atau 0.66 peratus adalah kategori tiga, empat dan lima dengan 13 kes tidak divaksin atau belum lengkap vaksinasi manakala 14 kes lagi sudah menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi belum menerima dos penggalak dan 15 kes sudah menerima dos penggalak.

Menerusi kenyataan, beliau berkata, pertambahan kes baharu itu menjadikan kumulatif kes Covid-19 dalam negara kini adalah 4,421,443, selain dua kluster baharu dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kluster aktif adalah 100 kluster.

Selain itu, sebanyak 234



DR Noor Hisham

kes dimasukkan ke hospital dengan 132 adalah kategori satu dan dua manakala 102 kes adalah kategori tiga, empat serta lima.

Jumlah kes sembuh pula adalah 9,111 menjadikan kumulatif kes sembuh dalam negara adalah 4,300,558.

Dr Noor Hisham berkata, Malaysia mencatatkan kadar kebolehhangkitan Covid-19 (nilai Rt) 0.80 dengan Putrajaya merekodkan kadar tertinggi iaitu 1.04.

- Bernama

16,003,461 terima dos penggalak

Kuala Lumpur: Sebanyak 16,003,461 individu atau 68 peratus daripada populasi dewasa di negara ini sudah menerima dos penggalak vaksin Covid-19 setakat kelmarin.

Menurut laman web Covidnow, 22,963,644 atau 97.6 peratus daripada golongan itu melengkapkan vaksinasi mereka dan 23,240,584 atau 98.8 peratus pula menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.


Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, seramai 2,883,331 individu atau 92.7 peratus lengkap divaksin dan 2,983,700 atau 95.9 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Dalam pada itu, sebanyak 614,507 kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun atau 17.3 peratus daripada populasi itu melengkapkan vaksinasi mereka di bawah Program Imunisasi Co-

vid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids), manakala 1,462,095 kanak-kanak atau 41.2 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 63,169 dos vaksin diberikan kelmarin membabitkan 16,352 dos pertama, 42,039 dos kedua dan 4,778 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 69,938,295.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 12 kematian akibat Covid-19 dilaporkan kelmarin dengan Johor dan Melaka merekodkan jumlah tertinggi iaitu masing-masing tiga kes. Pulau Pinang dan Selangor pula mencatatkan masing-masing dua kes manakala satu kes masing-masing dilaporkan di Sabah dan Sarawak.



IBU bapa menemani anak mengambil suntikan vaksin Covid-19 sempena Program Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Jangkauan Sekolah untuk murid dan kanak-kanak berusia lima hingga bawah 12 tahun yang belum menerima dos pertama di Sekolah Kebangsaan Jalan Empat, Bandar Baru Bangi. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

Putrajaya Duti import sebanyak 15 peratus yang akan dikenakan ke atas gam nikotin wajar diturun atau dikecualikan kerana produk itu membantu perokok berhenti merokok.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerima banyak aduan berhubung pengenalan duti import daripada syarikat farmasi yang membawa masuk produk gam nikotin.

Susulan itu beliau akan membangkitkan isu berke-

Syor duti import gam nikotin diturun

naan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) serta perbendaharaan.

"Kita lihat duti terhadap gam nikotin perlu diturun atau dikecualikan kerana ia benda baik dan bantu perokok untuk berhenti merokok," katanya selepas merasmikan Program Perkhidmatan Berhenti Merokok mQuit Masjid di sini, semalam.

Gam nikotin adalah produk perubatan yang diper-

kenal untuk berhenti merokok.

Isnin lalu, sebuah portal media melaporkan JKDM akan mengenakan duti import sebanyak 15 peratus per kilogram ke atas gam nikotin yang berkuat kuasa pada 1 Jun.

Khairy juga berkata sebanyak 28,835 premis diperiksa menerusi aktiviti penguatkuasaan larangan merokok di tempat awam sejak awal Januari hingga 15 Mac

lalu.

Katanya setakat 6 April lalu, KKM mengeluarkan sejumlah 13,437 notis kesalahan mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 atas kesalahan merokok di kawasan larangan dan merokok di bawah umur.

Menyentuh mQUIT Masjid, beliau berkata program yang dimulakan pada 8 April lalu itu akan diteruskan setiap Jumaat pada bulan-bu-

lan berikutnya di 12 masjid terpilih antaranya Masjid Negara, Masjid Wilayah, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Masjid Putra di sini.

Khairy berkata, setakat ini, seramai 41 orang menyertai program mQuit Masjid dan walaupun angkanya rendah, ia petanda positif kerana masih ada yang tergerak hati datang ke masjid untuk berhenti merokok.



KHAIRY

PEMBELI ORANG BPF RUPANYA

Lelaki jual cecair vape mengandungi nikotin ditangkap

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Shah Alam

Walaupun diharamkan namun masih ramai peniaga di kawasan 'keras kepala' dengan menjual cecair vape mengandungi nikotin kepada orang ramai.

Ia terbukti apabila pihak Bahagian Penguatkuasa Farmasi (BPF) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan aktiviti penjualan cecair vape nikotin di seluruh negara sebelum tindakan rampasnya dilakukan.

Jurucakap BPF memaklumkan, tindakan sama turut dilakukan Jabatan Kesihatan Selangor yang mengesan penjualan cecair vape nikotin dilakukan seorang lelaki berusia 30-an di premisnya di Shah Alam, Selangor.

Menurutnya, pegawai BPF terlebih dahulu melakukan penyamaran untuk membeli cecair vape nikotin dijual pada harga RM15 sebelum seruan dilakukan.

"Pemeriksaan dijalankan BPF kemudian menjumpai lebih 70 bekas berisi cecair disyaki mengandungi racun nikotin.

"Malah, hasil analisis Jabatan Kimia Malaysia mengesahkan cecair dijual serta dirampas itu mengandungi racun nikotin iaitu racun yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Racun 1952," katanya.

Susulan itu, peniaga terba-



Pemeriksaan dijalankan BPF kemudian menjumpai lebih 70 bekas berisi cecair disyaki mengandungi racun nikotin"

Jurucakap BPF

bit akan dihadapkan ke Mahkamah Majistret Shah Alam. Isnin ini bagi berdepan dua pertuduhan iaitu menjual racun secara runcit oleh bukan orang dillesenkan mengikut Akta Racun 1952 serta memiliki racun untuk tujuan jualan mengikut Seksyen 13(a) Akta Racun 1952.

"Jika sabit kesalahan, lelaki itu boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Pada 31 Januari lalu, seorang peniaga didenda RM4,000 oleh Mahkamah Majistret di sini selepas mengaku bersalah terhadap dua pertuduhan memiliki dan menjual cecair rokok elektronik mengandungi nikotin pada Januari 2018. Tertuduh, Lizawarty Mohd Dalal, 51, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Nur Faizah Abdul Sani. Mengikut pertuduhan pertama, Lizawarty didakwa bukan sebagai orang yang dillesenkan mengikut Akta Racun 1952 menjual racun secara runcit kepada seorang lelaki.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN

Buktikan ambil duit, saya tidak akan lari - Khairy

Oleh **ZULKIFLI JALIL**
dan **NIZAM YATIM**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin sedia disiasat jika mana-mana pihak dapat membuktikan beliau mendapat keuntungan peribadi daripada pembelian vaksin ketika menjadi Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Khairy menegaskan, beliau telah memberi keterangan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) yang pengerusinya daripada pembangkang dan ahli-ahlinya daripada semua parti termasuk pembangkang.

“Laporan PAC kata, memang program vaksinasi termasuklah perolehan itu adalah wajar dan adil termasuklah harga yang telah dibayar. Jawatankuasa boleh buat rumusan itu setelah saya tunjuk segala dokumen bahawa pengurusan dan juga perolehan vaksin kita dibuat dengan baik dan teratur.

“Saya tak ada masalah, siapa-siapa pun boleh bagi tuduhan. Tetapi mestilah ada bukti. Kalau ada bukti sila buat siasatan,” katanya dalam pertemuan dengan akhbar ini Khamis lalu.

Bersambung di muka 3

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Buktikan ambil duit, saya tidak akan lari - Khairy

Dari muka 1

Laporan yang didedahkan kerajaan sebelum ini menyatakan peruntukan bagi PICK adalah sebanyak RM5 bilion termasuk dana bagi pembelian vaksin sebanyak RM3.5 bilion.

Khairy berkata, beliau juga masih menunggu laporan PAC mengenai MySejahtera yang dibangunkan syarikat swasta, KPISoft (M) Sdn. Bhd. sekiranya terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki.

"Mungkin ada sedikit sebanyak kelemahan dari segi perolehan. Tak apalah kita tambah baik. Tetapi dari sudut

kesahihan, pemilikan dan keselamatan data, saya telah jelaskan kepada PAC bahawa memang tidak ada sesiapa pun yang boleh menyalahgunakan data dalam MySejahtera," katanya.

Tambah Khairy, beliau tidak akan lari dan menyalahkan orang lain daripada memikul tanggungjawab terhadap pelbagai isu negatif yang dikaitkan dengan aplikasi itu walaupun kelemahan terbabit berpunca daripada menteri dan kerajaan terdahulu.

"Saya menteri, saya bukan kanak-kanak. Jadi, saya mestilah bertanggungjawab ke atas segala tugas saya sama ada

perkara itu berlaku di zaman saya ataupun sebelum zaman saya.

"Saya bukan jenis orang yang cuci tangan daripada apa yang sedang berlaku dalam Kementerian saya. Saya seorang menteri yang bertanggungjawab dan bukan kata tiada kaitan dengan saya.

"Saya tak kisah lah tempas kepada sayakah atau tidak. Saya selalu begitu. Saya di sini untuk memastikan bahawa perkara ini dapat diselesaikan dari segi (wujud) perjanjian yang jelas (dengan KPISoft)," katanya.

■ Wawancara di muka 12 & 13



Saya menteri, saya bukan kanak-kanak. Jadi, saya mestilah bertanggungjawab ke atas segala tugas saya sama ada perkara itu berlaku di zaman saya ataupun sebelum zaman saya."

KHAIRY JAMALUDDIN

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : WAWANCARA

MINGGUAN MALAYSIA
AHAD • 24 APRIL 2022

Wawancara

MySejahtera bukan transaksi komersial

MUKADIMAH

AKSI Menteri Kesihatan, **KHAIRY JAMALUDDIN** seolah-olah seperti seorang 'pendekar' yang bersiap sedia untuk menyerah kami dari *Mingguan Malaysia* dengan tangannya memegang lembaran-lembaran fakta.

Ini bagi menjawab 'cuitan pedas' kolom akhbar ini mengenai *delete* aplikasi MySejahtera, dalam satu pertemuan di Kuala Lumpur, Khamis lalu.

Dalam temu bual dengan wartawan *Mingguan Malaysia*,

ZULKIFLI JALIL dan **NIZAM YATIM** serta jurugambar **FARIZ RUSADIO** itu, Khairy menjelaskan manfaat-manfaat MySejahtera untuk kemajuan pembangunan kesihatan rakyat Malaysia.

Ketika 'dicuit' lagi pasal persepsi dan tohmahan terhadapnya berkenaan vaksin dan MySejahtera, kata Khairy, kalau dia 'ambil kisah', dirinya tidak akan buat kerja yang dilakukan sekarang sehingga tiada lagi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Bahkan, hasilnya sekarang, berjuta-juta orang kini boleh balik kampung untuk berhari raya.



KOMERSIAL.

MINGGUAN MALAYSIA: Apakah tindakan kerajaan bagi memastikan aplikasi MySejahtera ini tidak dikomersialkan?

KHAIRY JAMALUDDIN: Tak boleh, sebab data itu hanya boleh digunakan dengan persetujuan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kalau tidak, kita boleh ambil tindakan mahkamah terhadap mereka.

Sebab tertulis dalam NDA atau *non-disclosure agreement* (perjanjian ketakdedahan) antara kita dengan pihak KPISoft (M) Sdn. Bhd. (sekarang Entomo Malaysia Sdn. Bhd.) sehingga ini NDA itu masih lagi terpakai bahawa pemilik data MySejahtera adalah kerajaan Malaysia dan sekarang ini kerajaan telah menjelaskan data itu adalah milik mutlak dan penuh KKM.

Jadi, kalau mereka cuba akses data tersebut ataupun menggunakan data itu bagi tujuan melainkan tujuan yang dibenarkan oleh KKM, kita boleh ambil tindakan undang-undang terhadap mereka. NDA masih terpakai sehingga satu kontrak baharu dimeterai dan itu sedang dirundingi oleh pihak KKM dan syarikat. Selepas kontrak baharu ini, ia akan mengambil alih NDA tersebut.

Ada pihak mendakwa perjanjian asal antara Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan syarikat terbabit longer sehingga timbul pelbagai masalah?

Ia tak longer. Memang kita hanya ada NDA sebelum ini yang telah ditandatangani oleh pihak MKN dan KPISoft. NDA itulah yang masih terpakai sehingga hari ini. Ia membantu kita juga untuk membangunkan modul-modul



...kita tidak akan layan apa-apa permohonan untuk digunakan MySejahtera sebagai komersial, contoh hendak jual produk, insurans dan sebagainya. Tak boleh."

baharu sehingga 15 kerana asal hanya tiga modul.

Bagi saya walaupun NDA ini bersifat umum tetapi ia telah membolehkan kita meminta pihak KPISoft untuk membangunkan modul-modul seperti vaksin, temu janji dan pengembara. Semua itu adalah modul yang telah dibangunkan setelah tempoh NDA tamat. Jadi, ini bagi saya adalah wajar kita bayar kepada syarikat tersebut atas perkhidmatan yang diberikan kepada kita.

NDA itu terma utama adalah hak milik data dan juga aplikasi adalah (hak milik) kerajaan Malaysia. Maka itu cukup jelas dan mencukupi untuk kita menjalankan apa urusan MySejahtera sehingga hari ini. Tetapi untuk pastikan tanggungan kita dengan syarikat dapat diselesaikan, maka kita nak kena ada kontrak baharu.

Kenapakah MySejahtera tidak tertakluk di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010?

Ini sebenarnya adalah perkara yang

disalah faham, sebab data MySejahtera bukan untuk tujuan transaksi komersial. Jadi, ia tidak tertakluk kepada akta tersebut. Akta PDPA menyatakan bahawa data peribadi orang ramai yang terkumpul oleh kerajaan tidak tertakluk di bawah akta ini.

Namun, oleh kerana kita faham sensitiviti tentang perkara ini. Saya telah minta supaya KKM dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia berunding supaya kita keluarkan satu tadbir urus data MySejahtera yang jelas, supaya rakyat boleh melihat ia mematuhi elemen-elemen penting daripada PDPA iaitu data ini selamat, tidak disalahgunakan dan tidak akan digunakan bagi tujuan-tujuan selain tujuan yang dipersetujui oleh pengguna itu sendiri bagi tujuan kesihatan awam.

Pada masa depan kalau kita gunakan MySejahtera bagi tujuan kesihatan awam sekali lagi kita akan tanya pengguna setuju ataupun tidak data ini digunakan bagi tujuan selain pandemik. Contohnya, bagi pengurusan penyakit tidak berjangkit seperti kolesterol, diabetes dan saringan kesihatan.

TOLAK PERMOHONAN
Adakah terdapat cadangan mengomersial data MySejahtera?

Ada cadangan yang kita terima supaya MySejahtera ini boleh digunakan bagi tujuan komersial. Kita telah tolak permohonan itu dan kita tidak akan layan apa-apa permohonan untuk digunakan MySejahtera sebagai komersial, contoh hendak jual produk, insurans dan sebagainya. Tak boleh.

Data MySejahtera ini, dia dikumpul dan dikawal di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Perubatan 1971. Jadi memang dia tak boleh digunakan untuk

tujuan komersial.

SYARIKAT SINGAPURA
Jadi kenapa timbul isu syarikat berpangkalan di Singapura?

Data tak ada (di Singapura). Syarikat itu saya telah semak pemegang-pemegang saham utama mereka, syarikat KPISoft yang sekarang ini bernama Entomo adalah syarikat yang mana pemegang saham utamanya ialah rakyat Malaysia. Mereka telah tubuhkan syarikat di Singapura sebab mereka hendak dapat pembiayaan daripada pelabur-pelabur yang berpangkalan di republik itu bagi tujuan perniagaan-perniagaan lain mereka.

Data terdapat dalam server (pelayan) di AIMS Data Centre Kuala Lumpur menggunakan Alibaba Cloud (milik syarikat Alibaba Group dari China). Jadi, dia menggunakan perkhidmatan awan Alibaba dengan pelayan secara fizikal di sini.

Dan setiap kali ada akses kepada pangkalan maklumat, dia ada *log in trail* (log jejak masuk). Maksudnya, kita akan tahu siapa yang masuk dalam pangkalan maklumat untuk akses data tersebut. Jadi kalau ada orang yang masuk pangkalan data tersebut yang tidak dibenarkan kita akan tahu. MAMPU (Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia) dan Nacs (Agensi Keselamatan Siber Negara) di bawah MKN sentiasa menjalankan ujian bagi memastikan aplikasi ini selamat dari segi data dan pencerobohan data.

PANTAU PERGERAKAN
Terdapat kebimbangan orang ramai kerajaan menggunakan data MySejahtera untuk memantau pergerakan mereka?

Data tersebut kita akan gugurkan. Kita

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : WAWANCARA

tak simpan dalam MySejahtera selamalamanya. Kita memang ada piawai yang mana data *check-in* (daftar masuk) itu kita gugurkan.

Saya tak minat tahu *you* pergi ke mana. Saya hanya nak tahu kalau sekiranya berlaku jangkitan yang merebak di tempat yang orang telah pergi. Tapi kalau sekarang ini memang kita pun sudah setuju dan tidak lama lagi kita akan buat pengumuman dari segi kod QR (untuk daftar masuk).

KOS MAHAL

Kenapakah kos pembangunan MySejahtera terlalu mahal berbanding aplikasi negara lain?

Di dunia ini saya tengok dari segi ciri-ciri dan juga modul yang ada, MySejahtera ini boleh dibandingkan dengan mungkin satu sahaja aplikasi daripada UK, NHS (*The National Health Service*) yang ada banyak modul. Yang lain semuanya separuh ataupun sebahagian sahaja daripada modul MySejahtera.

Saya ini bukan hendak pertahankan MySejahtera. Saya pun tidak terlibat dalam pemilihan MySejahtera. Ini berlaku sebelum saya jadi Menteri Kesihatan.

Cuma saya menjelaskan kenapa KKM menggunakan MySejahtera sekarang. Ia lebih daripada imbasan kod QR. Kalau itu modul tunggal MySejahtera, boleh saya tendang masuk dalam bakul sampah hari ini juga. Tapi kita guna untuk lebih daripada itu dan kita sekarang ini sudah ada lebih 38 juta pengguna.

REKOD KESIHATAN ELEKTRONIK

Adakah ia boleh digunakan untuk mewujudkan sistem rekod kesihatan elektronik?

Sekarang kita tak ada sistem rekod kesihatan elektronik. Sekarang ini di bawah MySejahtera ada lebih 38 juta orang dan ini mungkin boleh digunakan sebagai satu aplikasi bagi membantu KKM untuk dijadikan sebagai platform untuk rekod digital kesihatan kita.

Kalau kita buang MySejahtera, kita keluarkan aplikasi baharu. Adakah jaminan yang kita akan dapat lebih 38 juta pengguna, saya rasa tidak.

Disebabkan peluang daripada pandemik ini, kita akan pastikan jaminan diberi kepada rakyat Malaysia, data dia selamat. Kita akan pastikan bahawa pemilikan MySejahtera ini adalah jelas (hak) KKM.

Kita juga akan lunaskan apa sahaja perjanjian dengan syarikat KPISoft ataupun MySJ Sdn. Bhd. supaya tidak ada lagi pertikaian dalam bentuk perjanjian yang telah pun saya memberi keterangan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Dan kita akan maklumkan kepada rakyat bahawa sekarang ini MySejahtera mungkin boleh digunakan untuk tujuan lain. Kesihatan awam sahaja dan bukan untuk tujuan komersial. Ini kita sudah tolak secara mutlak.

Apa saja cadangan penggunaan komersial dan data daripada MySejahtera tidak dibenarkan langsung oleh kerajaan Malaysia.

Saya bukan jenis 'cuci tangan'

MySejahtera daripada pembangunan secara percuma melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) terus menjadi kos berjuta-juta kerana kesilapan pentadbiran terdahulu. Kenapa YB tidak menjauhkan diri daripada terkena tempias itu?

Saya menteri, saya bukan kanak-kanak. Jadi saya mestilah bertanggungjawab ke atas segala tugas saya sama ada perkara itu berlaku di zaman saya ataupun sebelum zaman saya.

Saya bukan jenis orang yang cuci tangan daripada apa yang sedang berlaku dalam Kementerian saya. Saya seorang menteri yang bertanggungjawab dan bukan kata tiada kaitan dengan saya. Saya tak kisah tempias kepada sayakah atau tidak. Saya selalu begitu. Saya di sini untuk memastikan perkara ini dapat diselesaikan dari segi (wujud) perjanjian yang jelas.

Tempoh CSR atau percuma bermula pada 27 Mac 2020 hingga 31 Mac 2021. Dari 2021 sehingga kini MySejahtera masih berjalan, kita masih minta syarikat tersebut untuk membantu membina modul-modul baharu yang dimiliki oleh KKM dan untuk mereka mengurus operasi MySejahtera selama tempoh tersebut.

Jadi bagi saya, kita kena bayar mereka. Ya, sebab tak kisah lantikan mereka pada 2020 dibuat dengan mengikut CSR. Tetapi dari segi perkhidmatan yang mereka bagi selepas tempoh CSR dari segi pembangunan modul, pengurusan dan penyelenggaraan aplikasi mesti kita selesaikan. Itu kos yang telah



Saya tak kisah tempias kepada sayakah atau tidak. Saya selalu begitu. "

pun ditanggung oleh syarikat. Untuk berlaku adil kepada mereka, mesti kita bayar.

Ya, jadi itulah perkara yang saya nak selesaikan supaya kita ada perjanjian dengan mereka sehinggalah Mac 2023 dan selepas itu aplikasi ini yang memang hak mutlak KKM, pada waktu itu sama ada dipindahkan pengurusannya kepada Kementerian ataupun kita boleh tender semula kepada siapa-siapa untuk mengurus.

SIMPATI

Persepsi negatif ini banyak terkena pada YB. Sebagai wartawan kami faham tapi rakyat yang tak faham, jadi kami rasa bersimpati.

Kalau saya kisah pasal persepsi, saya tak buat kerja yang saya buat sekarang ini. Apa yang dia orang tak cakap pasal saya, vaksinlah, MySejahteralah. Tak apalah, okey. Hari ini kita masih lagi ada PKP (Perintah Kawalan Pergerakan)? Raya ini boleh balik kampung? Jadi kita sampai ke tahap ini kerana apa?

Kalau hasil hari ini negara kita memang dari segi pengurusan pandemik kita tunggang-langgang dan memang tak berkesan. Hospital kita penuh, kadar kematian kita

tinggi, mungkin, adillah tohmahan tersebut. Tapi saya melihat hari ini keadaan semakin bertambah baik insya-Allah. Soal persepsi ini okeylah. Lihat sekeliling kita, apa yang boleh kita lakukan hari ini berbanding tahun lepas.

LUNAS TANGGUNGJAWAB

Bila sudah sampai ke tahap ini apa perasaan YB, rasa lega?

Saya rasa kita telah buat yang terbaik di peringkat KKM. Rakyat pun sudah mula menikmati hampir semua kebebasan seperti sebelum pandemik, adalah pelitup muka dan sebagainya. Dan ini adalah kejayaan kita bersama sebagai rakyat Malaysia. Jadi, cakaplah apa nak cakap pasal saya ataupun KKM. Saya percaya kita sudah melunaskan tanggungjawab kita sepertimana yang diharapkan.

Kenapakah MySejahtera tidak diuruskan oleh kakitangan KKM sendiri?

Sama ada hendak dikendalikan oleh KKM ataupun pihak yang ketiga ini perkara dasar yang perlu kita fikirkan sebab sekarang ini dalam kerajaan, kita mungkin tidak ada kapasiti untuk ada *developer*, pengaturcaraan dan sebagainya untuk membina modul baharu, menguruskan dan menyelenggarakan fasiliti ataupun aplikasi tersebut.

Itu kita akan buat kemudian. Sekarang ini saya mahu jelaskan hutang kita dan saya hendak pastikan bahawa sehingga 2023 kita ada kontrak yang jelas. Supaya tiada apa-apa pertikaian dari segi kontrak antara kerajaan Malaysia dengan pihak KPISoft.



ZULKIFLI Jalil (tengah) bersama Nizam Yatim (kanan) menemu bual Khairy Jamaluddin di pejabat Kementerian Kesihatan, Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur, pada Khamis lalu.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS/NATION

6,342 NEW INFECTIONS

COVID-19 BED-USE RATE AT 16pc

No state or federal territory is exceeding 50 per cent, says Health director-general

TEOH PEI YING
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

ONLY 16 per cent of the 10,290 Covid-19 beds are being utilised.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah also said only 12 per cent of the 760 intensive care unit (ICU) beds and two per cent of quarantine and treatment centre beds were occupied up to Friday.

He added that no state or federal territory has a normal- or ICU-bed utilisation rate of over 50 per cent.

Dr Noor Hisham said that the national infectivity rate, or Rt, was at 0.80 on Friday.

Covid-19 claimed 12 lives on Friday, pushing the overall fatality number to 35,482.

The 12 included two brought-in-dead cases. Three cases each were reported in Johor and Melaka, two each in Penang and Selangor, and one each in Sabah and Sarawak.

The number of active Covid-19 cases nationwide continued to drop, totalling 85,403 on Friday.

Data on CovidNow showed that almost 98 per cent of the cases or 83,528 people are in home quarantine, 1.9 per cent are receiving treatment at hospitals, 0.1 per cent are at quarantine and treatment centres and 0.1 per cent are in ICUs.

Dr Noor Hisham added that Malaysia recorded 6,342 new cases and 9,111 recoveries on Friday.

He said this took the total number of infections to 4,421,443, and recoveries to 4,300,558.

Of the 6,342 new cases, only 42 are in categories 3, 4 and 5.

"Out of the 42 categories 3, 4 and 5 cases, 15 have taken the booster dose, 14 have completed two doses and 13 were either unvaccinated or received only one



A medical worker tending to a Category 3 Covid-19 patient at Kuala Lumpur Hospital on March 14. PIC BY EFFENDY RASHID

dose of the vaccine," he said in a statement yesterday.

He added that 91 Covid-19 cases are being treated in ICUs with 61 patients being hooked up

to ventilators.

He said two Covid-19 clusters were identified on Friday — an education cluster and a high-risk group cluster, in Sabah and

Perak respectively.

He said with the two new clusters, the ministry is now monitoring 100 active clusters nationwide.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

20% decline in Covid-19 cases in the past week, says Health Ministry

PETALING JAYA: The number of Covid-19 cases, deaths, hospital and ICU admission in the country has recorded at least a 20% decline in the past week, according to the Health Ministry's GitHub portal.

An analysis of the Health Minister's figures shows the number of daily cases between April 16 and 22 dropped by 25.2% compared to one week prior, while the number of deaths declined by 38.4% in the same period.

Meanwhile, hospital admission between the same period has reduced by 23.3% from 5,375

between April 9 and 15 to 4,122 in the past week and ICU admissions dropped by 35.7% in the same period.

Labuan currently has the lowest hospital bed utilisation at 41.8%, followed by Kuala Lumpur at 48.2% and Putrajaya at 53.3%.

Covid-19 cases have shown a consistent decline after the Omicron wave peaked in early March.

The seven-day average of Covid-19 cases during the Omicron wave was highest at March 10 with 30,490 cases, while the figure at April 22 is now at 6,964, recording

a 338% decline.

A total of 16,003,461 individuals or 68% of the adult population have received the Covid-19 booster dose as at April 22.

The Health Ministry is also offering a second dose of the Covid-19 vaccine booster for those above 60 years old and with high comorbidities on a voluntarily basis.

A total of 22,963,644 people or 97.6% of the adult population are fully vaccinated and 23,240,584 or 98.8% have received at least one dose of vaccine.

A total of 16,003,461 individuals

or 68% of the adult population have received the Covid-19 booster dose as of Friday.

Meanwhile, according to the CovidNow website, 22,963,644 people or 97.6% of the adult population are fully vaccinated and 23,240,584 or 98.8% have received at least one dose of vaccine.

For adolescents aged between 12 and 17, a total of 2,883,331 individuals or 92.7% have completed the inoculation, while 2,983,700 or 95.9% have received the first jab.

A total of 614,507 children aged from five to 11 years or 17.3% have

completed their Covid-19 vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids), while 1,462,095 children in the same group or 41.2% have received at least one dose of vaccine.

A total of 63,169 doses of the vaccine were dispensed on Friday, which comprised 42,039 as second doses, 4,778 as booster dose and 16,352 as first dose, bringing the number of vaccine doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme (PICK) to 69,938,295.